



SOALAN-SOALAN LAZIM

PAKEJ REMAJA KELUARGA MALAYSIA

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

1. Apakah itu Pakej Remaja Keluarga Malaysia ?

- Pakej Remaja Keluarga Malaysia adalah sebuah pakej prabayar baru khusus bagi membantu golongan remaja dan pelajar memperoleh akses Internet untuk pembelajaran dalam talian dari rumah tanpa sebarang kekangan data disamping mempertingkatkan produktiviti. Pakej ini tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh penyedia perkhidmatan mudah alih.

2. Apakah tawaran yang diberi menerusi Pakej Remaja Keluarga Malaysia?

- Para pelajar dapat memanfaatkan data 20GB untuk 3 bulan dengan hanya RM30 (RM10/bulan) untuk aktiviti produktiviti setiap hari serta Internet asas tanpa had. Dengan pakej ini, pelajar boleh boleh melakukan aktiviti seperti penghantaran mesej dan melayari Internet.



- Bagi data 20GB pula, ianya boleh digunakan untuk semua aktiviti termasuk muat turun video ataupun permainan dalam talian. Ia boleh membantu pengguna untuk merehatkan diri dengan kebolehan akses kepada hiburan. Pakej ini memudahkan pelanggan remaja dan pelajar, yang kini tidak perlu lagi menambah nilai setiap bulan.
- Pakej ini termasuk 1GB data harian (sebanyak 90GB untuk 3 bulan) percuma untuk aktiviti produktiviti. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.

3. Siapakah yang layak untuk menikmati tawaran pakej ini?

- Golongan remaja dan pelajar termasuk pelajar pascasiswazah boleh menikmati tawaran pakej ini.

4. Apakah cara untuk mendaftar untuk menikmati tawaran pakej ini?

- Remaja dan pelajar di bawah umur 21 tahun hanya perlu mendaftar dengan MyKad sementara pelajar melebihi 21 tahun perlu mendaftar dengan kad pelajar atau alamat email institut pengajian tinggi (bergantung kepada syarat yang ditetapkan oleh penyedia perkhidmatan mudah alih). Adalah diharap agar golongan ini dapat memanfaatkan kemudahan dan melancarkan pembelajaran serta urusan sehari-hari mereka.



5. Penyedia perkhidmatan manakah yang terlibat dalam menyediakan pakej ini?

- Pihak penyedia perkhidmatan yang terlibat dalam inisiatif ini adalah Celcom Axiata Berhad (Celcom), Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi), Maxis Berhad (Maxis), U Mobile Sdn Bhd (U Mobile), Telekom Malaysia Berhad (TM), YTL Communications Sdn Bhd (YES), BeONE Network Sdn Bhd (BeONE) dan Tune Talk Sdn Bhd (Tune Talk).

6. Apakah tempoh mendaftar untuk Pakej ini?

- Tempoh mendaftar untuk pakej ini adalah mulai 15 Oktober 2021- 30 April 2023.

7. Adakah pengguna prabayar layak untuk melanggan pakej ini?

- **Ya.** Ini adalah pakej prabayar khusus untuk golongan remaja dan pelajar termasuk pelajar pascasiswazah.

8. Bagaimanakah saya boleh memeriksa sama ada kawasan kediaman saya mempunyai sebarang liputan untuk memanfaatkan pakej ini?

- Anda disarankan untuk memeriksa terlebih dahulu sekiranya ketersediaan rangkaian liputan boleh diterima di kawasan anda melalui laman sesawang <https://jendela.my/map/>. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.



Pembekal Perkhidmatan	Pautan untuk Rujukan
Celcom	https://www.celcom.com.my/personal/prepaid/pakej-remaja-keluarga-malaysia
Digi	https://www.digi.com.my/prepaid/pakej-remaja-keluarga-malaysia
Maxis	https://www.hotlink.com.my/ms/faq/campaigns/pakej-keluarga-malaysia/remaja/
U Mobile	https://www.u.com.my/en/personal/support/terms-conditions/promotion/remaja-km30-package
TM	https://home.unifi.com.my/sites/default/files/html/assets_mobile/doc/bebas/FAQ-Pakej-Remaja-Keluarga-Malaysia-ver4a_181022.pdf
YES	https://www.yes.my/docs/faq/campaign-promotion/pakej-yes-remaja-keluarga-malaysia-promotion/
BeONE	https://beone.com.my/pakejremaja/

Nota: Sila rujuk kepada laman sesawang pembekal perkhidmatan masing-masing untuk mendapatkan maklumat terkini

Soalan-soalan lazim ini dikemas kini pada 9 November 2022 dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk mendapatkan maklumat terkini.

Disediakan oleh:
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

